

CABARAN DAN STRATEGI PENAMBAHBAIKAN KUTIPAN ZAKAT PADI

(*Challenges and Strategies for Improving Zakat Paddy Collection*)

Zainol Bidin^{1*}
Saliza Abdul Aziz²
Chek Derashid³
Idawati Ibrahim⁴

*^{1,2,3,4} Tunku Puteri Intan Safinaz School of Accountancy, Universiti Utara Malaysia, 06010 UUM Sintok, Kedah, Malaysia

^{*}Corresponding author (Email: b.zainol@uum.edu.my)

Received: 26 August 2021, Reviewed: 31 August 2021, Published: 30 September 2021

Abstrak: Pengertian zakat adalah penyucian harta benda di mana kadar tertentu dikeluarkan daripada harta yang tertentu mengikut pengiraan yang telah ditetapkan oleh hukum Syarak. Zakat padi yang dikeluarkan mengikut kadar yang ditetapkan dan dibayar melalui saluran rasmi akan diagihkan kepada golongan yang memerlukan mengikut definisi asnaf yang telah ditetapkan. Pengurusan zakat padi di Kedah adalah di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Isu ketidakpuasan pengurusan berkaitan jumlah kutipan zakat padi yang rendah telah memotivasi kajian ini. Justeru, kajian ini meletakkan dua objektif utama: (i) mengenal pasti cabaran LZNK dalam menangani jumlah kutipan zakat padi yang rendah; dan (ii) mencadangkan strategi-strategi untuk meningkatkan kesedaran membayar zakat padi di kalangan penanam padi atau pemilik padi kepada LZNK atau amil dilantik. Data dikutip menerusi kaedah termuramah berstruktur terhadap kumpulan fokus. Temuramah tersebut dijalankan di LZNK bersama lima orang pegawai dari Bahagian Zakat Padi yang telah memberikan kerjasama dan berkongsi pengalaman. Dari perspektif pejabat zakat, pelbagai cabaran telah dihadapi dalam usaha mengutip zakat padi ini. Diantaranya seperti kepercayaan yang goyah; pendekatan tiada sambutan; dan pemantauan amil dan kutipan yang kurang berkesan. Justeru itu, beberapa langkah atau strategi dicadangkan untuk meningkatkan kutipan zakat daripada penanam padi. Antara langkah yang dicadangkan tersebut ialah melalui lantikan amil di kalangan kumpulan yang dipersetujui atau professional; program kesedaran berkala; dan pendekatan komunikasi yang lebih berkesan.

Kata kunci: Zakat Padi, Cabaran, Strategi, Amil

Abstract: The meaning of zakat is the purification of property in which a certain rate is removed from a certain property according to the calculation prescribed by Islamic law. The rate issued will be distributed to the needy according to the definition of asnaf that has been set. The management of paddy zakat in the state of Kedah is under the Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). The issue of management dissatisfaction related to the low collection of zakat on paddy has motivated this study. This study has two main objectives which are: (i) to identify

the challenges of the LZNK in addressing the low collection of paddy zakat; and (ii) to propose strategies to increase awareness of paying zakat on paddy among paddy farmers or paddy owners to LZNK or appointed amil. The data was collected through a structured interview using focus group method. The interview was conducted at LZNK with five officers from the Zakat on Paddy Division who had provided cooperation and shared their experiences. From the perspective of the zakat office, various challenges have been faced in collecting this paddy zakat. Among them are shaky belief; unresponsive approach; and ineffective amil monitoring and collection. Therefore, several measures or strategies are proposed in order to improve the collection of zakat from paddy farmers. Among the proposed strategies are through the appointment of amils among agreed or professional groups; periodic awareness programs; and a more effective communication approach.

Keywords: Paddy Zakat, Challenges, Strategies, Amil

PENGENALAN

Umumnya, zakat terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah diwajibkan setahun sekali oleh setiap muslim mukallaf untuk dirinya dan juga tanggungan sekiranya ada. Manakala zakat harta benda telah diwajibkan sejak permulaan Islam dan ia terdiri daripada beberapa kategori zakat termasuk zakat emas, perak dan wang; zakat pertanian dan hasil bumi; zakat hasil galian; zakat rikaz; zakat ternakan dan zakat perdagangan. Allah SWT berfirman dalam Surah at-Taubah ayat 103 yang bermaksud "*Ambillah zakat dari sebagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan mensucikan mereka dan mendoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui*" (Surah at-Taubah: 103).

Zakat pertanian sebagai salah satu zakat harta adalah diwajibkan bagi mereka yang memenuhi syarat wajib yang telah ditetapkan. Hasil pertanian yang wajib dikeluarkan adalah hasil pertanian yang berbentuk makanan asasi di sesuatu negeri (*qut al-balad*) dan mengenyangkan (Isamail et al., 2013). Di Malaysia, nasi merupakan makanan ruji rakyat tempatan yang berasal dari padi. Hal ini telah diperjelaskan oleh kebanyakan pejabat atau pusat pungutan zakat di Malaysia seperti Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Lembaga Zakat Selangor, Zakat Pulau Pinang dan sebagainya.

Pensyariatan zakat ke atas harta termasuk pertanian mempunyai banyak kelebihan dan hikmah. Nas mengenai kelebihan berzakat di dalam Surah al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud "*Bandingan orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu seratus biji. Dan Allah melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya, dan Allah Maha Luas kurnia-Nya, lagi Maha Mengetahui*" (Surah al-Baqarah: 261) berkait rapat dengan petani khususnya dalam menjalankan kewajiban berzakat pertanian kerana hikmah yang dinyatakan di dalam ayat tersebut dikiaskan kepada benih yang tumbuh hasil pertanian.

Zakat pertanian, yang merupakan salah satu cabang zakat harta, adalah sangat relevan di Kedah memandangkan Kedah terkenal dengan sawah padi yang luas dan telah mendapat jolokan sebagai jelapang padi Malaysia kerana pengeluaran padi yang banyak berbanding

negeri-negeri lain. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk melihat permasalahan ke atas perlaksanaan kutipan zakat padi yang diamalkan oleh LZNK di Kedah yang aplikasinya adalah dilihat bertepatan dengan Al-Quran, sunnah dan keputusan Majlis Fatwa Negeri Kedah.

Panduan yang terperinci serta lengkap dari LZNK seharusnya mempermudahkan kefahaman dan merungkai kekeliruan para pembayar zakat amnya, dan pesawah padi khususnya. Panduan ini juga sepatutnya boleh meningkatkan kesedaran para muzakki dari kalangan pesawah padi untuk membuat pembayaran zakat di saluran rasmi. Hal ini bagi membolehkan agihan wang zakat dapat diagihkan mengikut hukum syarak iaitu kepada lapan asnaf yang melepas tapisan (iaitu fakir, miskin, amil, muallaf, ar-riqab, al-gharimin, fi sabilillah, dan ibnu sabil) berbanding amalan yang dilakukan oleh kebanyakan pesawah padi di Kedah khususnya.

Kutipan zakat padi melalui saluran rasmi yang dilaporkan oleh LZNK di Kedah yang berjumlah sekitar RM5 juta sahaja menunjukkan perbezaan yang ketara daripada jumlah anggaran yang telah dibuat oleh Lembaga berkenaan, iaitu sebanyak RM30 juta sekiranya setiap penanam padi atau pemilik sawah padi menjalankan tanggungjawab sebagai pembayar zakat padi melalui saluran rasmi LZNK (informasi komunikasi di LZNK, 2020). Hal ini menimbulkan tanda tanya tentang kenapa hal ini terjadi. Antara isu yang mungkin boleh dikaitkan kepada masalah tersebut termasuklah isu keberkesanan kaedah pengutipan zakat padi; kesedaran di kalangan pembayar zakat padi; masalah yang dihadapi oleh pembayar zakat padi dan juga pihak LZNK; dan kepincangan yang berkemungkinan berlaku dalam kutipan zakat padi. Justeru itu, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk (i) mengenal pasti cabaran LZNK dalam menangani kutipan zakat padi yang rendah; dan (ii) mencadangkan strategi-strategi untuk meningkatkan kesedaran membayar zakat padi di kalangan penanam padi kepada pihak LZNK atau amil yang dilantik.

SOROTAN LITERATUR

Pertanian padi turut merupakan salah satu bahagian utama dalam harta yang diwajibkan zakat iaitu hasil pertanian. Pensyariatan zakat pertanian iaitu padi dalam konteks ini telah bermula di Madinah pada tahun kedua Hijrah semasa zaman Nabi Muhammad SAW setelah kewajipan menunaikan solat dan zakat fitrah. Sokongan ayat dan hadis dalam pensyariatan hukum zakat ini dapat dilihat dalam Surah Maryam, al-Baqarah, al-An'aam dan al-Taubah serta hadis Rasulullah Riwayat al-Bukhari dan Muslim.

Di dalam Surah al-An'aam ayat 141, zakat pertanian telah diwajibkan oleh Allah secara terang dan jelas yang bermaksud “*Dan Dia lah (Allah) yang menjadikan (untuk kamu) kebun-kebun yang menjalar tanamannya dan yang tidak menjalar; dan pohon-pohon tamar (kurma) dan tanaman-tanaman yang berlainan (bentuk, rupa dan) rasanya; dan buah zaiton dan delima, yang bersamaan (warnanya atau daunnya) dan tidak bersamaan (rasanya). Makanlah dari buahnya ketika ia berbuah, dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya*” (Surah Al-An'aam: 141)

Manakala, surah al-Baqarah ayat 267 juga menegaskan tentang kepentingan berzakat yang bermaksud “*Wahai orang-orang yang beriman! Infakkanlah sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untukmu.*

Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu keluarkan, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata (enggan) terhadapnya. Dan ketahuilah bahwa Allah Maha Kaya, Maha Terpuji” (Surah al-Baqarah: 267).

Takrifan dari surah al-An'aam dan al-Baqarah yang disebutkan di atas jelas menunjukkan kewajipan zakat pertanian ke atas semua jenis tanaman sama ada pokok buah-buahan atau bijirin. Konsep asas kewajipan zakat pertanian adalah ke atas hasil pertanian yang mengenyangkan, tahan disimpan lama, kering yang merupakan makan ruji (asasi) dan ditanam oleh manusia. Dengan erti kata lain, tanaman yang dimaksudkan termasuk bijirin kering seperti gandum, padi dan jagung yang merupakan makanan asasi atau harian sesuatu tempat.

Walau bagaimanapun, konsep zakat pertanian dari segi jenis tanaman yang diwajibkan zakat mempunyai perbezaan pandangan dalam setiap mazhab. Umpamanya, Mazhab Hanafi berpandangan zakat pertanian dikenakan ke atas semua pertanian yang ditanam oleh manusia yang bertujuan mendapatkan hasil. Manakala Mazhab Hanbali menetapkan pertanian yang diwajibkan zakat adalah pertanian kering, tetapi dan boleh ditimbang sahaj. Mazhab Maliki dan Syafi'i pula berpendapat kewajipan zakat adalah ke atas pertanian yang boleh disimpan dan merupakan makanan ruji bagi tempat tersebut (Alias & Mohammad Azam, 2017; 2016).

Syarat wajib zakat harta yang merangkumi zakat pertanian, adalah ke atas mereka yang beragama Islam, merdeka, mempunyai milikan yang sempurna, cukup nisab dan cukup haul. Syarat-syarat lain termasuklah harta yang berkembang, melebihi keperluan biasa, dan bebas daripada hutang. Namun, berbanding jenis harta-harta lain yang dikenakan zakat, zakat pertanian dikecualikan daripada ketetapan haul. Haul merujuk kepada tempoh yang ditetapkan oleh syarak bagi pengiraan zakat bagi memudahkan pengiraan perkembangan hasil pendapatan. Hal ini kerana hasil pertanian dikutip apabila tiba waktu menuainya sahaja dengan mengambil kira tentang perkembangan hasil pertanian (Alias & Mohammad Azam, 2017).

Di dalam zakat pertanian, perkembangan hasil pertanian bermaksud hasil daripada proses memetik atau menuai dan bukannya proses sebelum dari tempoh tersebut atau tempoh setahun seperti mana yang ditetapkan ke atas harta yang lain. Hal ini juga berdasarkan firman Allah SWT di hujung ayat 141 di dalam surah al-An'aam seperti yang disebutkan di atas “*Dan keluarkanlah haknya (zakatnya) pada hari memetik atau menuainya.”*

Nisab menunjukkan keupayaan hasil pertanian berkembang. Zakat hanya wajib dikeluarkan apabila hasil pengeluaran padi melebihi keperluan biasa. Keadaan ini menggambarkankekayaan pemilik pertanian tersebut. Syarat berkaitan nisab zakat pertanian ditentukan pada setiap tuaian dalam semusim atau setahun. Di Kedah, LZNK menetapkan nisab zakat padi bagi setiap tuaian mestilah mencapai sekurang-kurangnya 1,300.49 kilogram. Bagi kes pengusaha padi yang mengerjakan sawah dua musim setahun, pesawah yang tidak mencapai nisab bagi tuaian pertama dalam tahun tersebut perlu mencampurkan hasil tuaian pertama itu dengan hasil tuaian pada musim kedua bagi pengiraan nisab untuk tahun tersebut. Zakat pertanian tidak diwajibkan sekiranya syarat nisab atau sukanan tidak dipenuhi. Amalan ini adalah sama dengan amalan di Selangor, Sarawak dan Pulau Pinang. Namun, amalan ini dikatakan seolah-olah mengaplikasikan tempoh haul yang bertentangan dengan nas dan dilihat sebagai menekan para petani (Ab Rahman et al., 2015).

Kadar zakat pertanian adalah sebanyak 10% atau 5%. Kadar 10% digunakan apabila pertanian tersebut diairi dari punca air semulajadi. Sementara itu, kadar sebanyak 5% dikenakan ke atas pertanian yang diairi oleh manusia dengan tenaga sendiri. Ketetapan kadar zakat pertanian ini selaras dengan sabda Rasulullah dari sahib Bukhari yang bermaksud: “*Dari Salim bin Abdullah dari bapanya RA dari Nabi SAW bersabda: Pada tanaman yang diairi dengan air hujan, mata air, atau air tanah maka zakatnya sepersepuluh (10%), adapun yang diairi dengan menggunakan tenaga maka zakatnya seperduapuluh (5%)*” (HR Bukhari).

Kadar yang diguna pakai oleh LZNK untuk pengenaan zakat padi di Kedah ialah kadar tunggal iaitu 10% atau 1/10 sahaja. Kadar ini adalah sama dengan amalan di negeri Pulau Pinang (Ab Rahman et al., 2015). Walau bagaimanapun, LZNK memberi kelonggaran kepada pembayar zakat untuk memilih salah satu dari dua kaedah penentuan jumlah hasil. Penggunaan kaedah pertama adalah kadar yang dikenakan keatas perolehan kasar setelah dicampur dengan subsidi, manakala penggunaan kaedah kedua adalah keatas perolehan bersih, iaitu perolehan kasar ditolak dengan perbelanjaan operasi seperti garispanduan LZNK.

Kefahaman maklumat nisab dan kadar zakat padi ini adalah amat penting kepada para pesawah padi di Kedah agar mereka dapat mematuhi syariat yang telah ditetapkan dengan sempurna. Namun, cabaran-cabaran lain juga perlu dikenalpasti kerana walaupun kaedah yang digunakan oleh LZNK dilihat bertepatan dengan syariat, namun pada masa ini, masih ramai pesawah padi memilih untuk tidak menggunakan saluran rasmi untuk membayar zakat padi.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini dilaksanakan dengan mengadakan sesi temuramah secara kumpulan fokus bersama lima orang pegawai LZNK yang terlibat di dalam pengurusan zakat padi. Soalan temuramah kumpulan fokus telah di reka secara berstruktur bagi memudahkan ahli penyelidik untuk mencapai objektif temuramah. Temuramah telah diadakan secara bersemuka di pejabat LZNK, Alor Setar pada bulan Jun 2020. Pegawai-pegawai yang dijemput ke sesi temuramah kumpulan fokus tersebut terdiri daripada mereka yang mempunyai pengalaman melebihi lima tahun di dalam bidang zakat padi sama ada di daerah atau di ibu pejabat. Hasil temuramah telah diteliti dan dibuat rumusan bagi mencapai objektif kajian.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu cabaran yang dihadapi oleh LZNK dan strategi yang disarankan dalam menangani isu kutipan zakat padi. Berdasarkan kepada hasil temuramah yang dijalankan, didapati terdapat empat cabaran yang utama yang sedang sedang dihadapi oleh LZNK pada masa ini dalam kutipan zakat padi. Justeru itu, tiga strategi utama juga dicadangkan berdasarkan dapatan kajian.

Cabaran LZNK dalam menangani isu kutipan zakat padi

Pengurusan zakat oleh LZNK dilihat telah diperkemaskan dari masa ke semasa selaras dengan peranan institusi zakat sebagai pengurus zakat harta di negeri Kedah. Namun, tidak dinafikan terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh LZNK. Cabaran-cabaran tersebut adalah sesuatu yang positif sekiranya dilihat sebagai ujian untuk lebih berkembang maju dalam melestarikan

pentadbiran zakat di negeri Kedah. Sebaliknya, cabaran tersebut akan dilihat sebagai sesuatu yang negatif apabila tidak diendahkan untuk penambahbaikan ke arah pengurusan yang lebih cekap dan berkesan. Antara cabaran LZNK dalam menangani kutipan zakat padi adalah seperti kepercayaan yang goyah terhadap LZNK; pendekatan tiada sambutan; keberkesaan pemantauan amil yang kurang; dan kutipan tidak berkesan.

Kepercayaan yang goyah terhadap LZNK

Pihak pengurusan zakat perlu bertindak lebih proaktif dalam menetapkan perancangan strategik LZNK demi memastikan aspek reputasi kutipan dan agihan zakat dipandang tinggi oleh masyarakat. Walaupun pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh LZNK demi meningkatkan kutipan dan diagih kepada asnaf secara berhemah, namun sehingga kini masih terdapat rungutan dari masyarakat berkaitan dengan pengurusan wang zakat. Rungutan tentang kelemahan pentadbiran zakat berlaku sejak beberapa dekad yang lalu sehingga kini. Umpamanya, isu pentadbiran zakat di Malaysia dikatakan tidak cekap dan di bawah potensi yang sebenar (Sadeq, 1995; Imad, & Abdul-Wahab, 1995).

Malah rungutan ini turut diperdengarkan oleh pesawah di kawasan Kubang Pasu, Pendang, Padang Terap dan Pokok Sena yang memilih untuk tidak membayar terus zakat padi ke LZNK. Pesawah menzahirkan kurang yakin terhadap mekanisma pengagihan zakat atas hasil kutipan zakat secara keseluruhannya. Pesawah yang mendapat informasi dari sebelah pihak iaitu pihak yang memohon menyifatkan agihan sebagai tidak adil. Ini terjadi apabila asnaf yang diberikan zakat padi tersebut menyatakan kegagalan mereka untuk mendapat zakat dari pihak LZNK. Situasi sebenar seperti dokumen tidak lengkap, kelayakan yang terbatas atau sebab-sebab lain setelah ditapis oleh pihak LZNK tidak diperhebahkan. Ini menjadikan LZNK sebagai mangsa ketidakpuasan dan tidak diyakini dalam aspek agihan zakat.

Pendekatan tiada sambutan

Pendekatan secara turun padang bersama pesawah oleh wakil-wakil dari LZNK atau amil-amil setempat dilihat sebagai tidak mendapat sambutan. Kaunter bergerak telah diusahakan pada musim-musim tuaian padi di mana kaunter telah diadakan di pusat pengumpulan padi setempat. Pelbagai risalah berkaitan kewajipan membayar zakat padi diedarkan sebagai program kesedaran di Pertubuhan Peladang Kawasan, namun sambutan yang diterima agak mengecewakan.

Kedah melokalisasikan pengurusan zakat di kaunter-kaunter bergerak atau di tempat-tempat tumpuan dilihat sebagai satu usaha atau pendekatan yang efektif. Ini kerana ia mampu mengecilkan keluasan kawasan dan pemasukan kuasa malah dapat menggalakkan pembayaran zakat bagi golongan yang berkewajipan. Selain itu, ia juga dilihat sebagai amalan yang signifikan dalam pemerkasaan sistem pengurusan zakat negeri. Van kaunter bergerak juga dilihat sebagai memberi kemudahan dan keselesaan bagi masyarakat Islam setempat. Ia dapat membantu serta sebagai sokongan bagi menyampaikan maklumat kewajipan berzakat dengan lebih meluas di mana jaringan hubungan insaniah bersama agensi dan masyarakat dapat dieratkan. Di samping itu maklumat yang tepat dan sahih beserta huraiyan bagi pemahaman tentang sesuatu perkara iaitu kepentingan, kewajipan dan pengagihan dapat dikongsi dengan lebih jelas. Namun keengganahan pesawah mendekati kaunter-kaunter bergerak ini telah

menyebabkan sebaran maklumat agak terbatas dan gagal menggalakkan mencapai sasaran di mana tujuannya adalah memudahkan pesawah untuk membuat pembayaran zakat padi. Keengganan ini berkemungkinan disebabkan pilihan pesawah atau pemilik sawah untuk mengeluarkan zakat padi ke saluran tidak rasmi. Selain itu, kemungkinan telah melunaskan zakat padi terlebih dahulu juga menyebabkan kaunter bergerak tidak didekati.

Keberkesanan pemantauan amil

Kutipan zakat padi turut dipertanggungjawabkan ke atas amil-amil setempat yang dilantik oleh LZNK. Kaedah ini digunakan bagi meluaskan capaian pungutan serta memastikan kutipan zakat lebih berkesan. Walau bagaimanapun, isu yang ditimbulkan oleh amil zakat padi sendiri juga telah sedikit sebanyak menyumbang kepada kemerosotan dalam kutipan zakat padi. Ada di antara mereka merupakan amil tidak rasmi seperti bekas-bekas amil yang tidak lagi mempunyai kontrak dengan LZNK, tetapi mereka tetap menerima bayaran zakat daripada para petani di negeri Kedah. Di samping itu, terdapat juga segelintir pihak yang mengutip zakat padi untuk kegunaan tertentu seperti untuk kebajikan anak-anak yatim, orang-orang tua, pembinaan maahad tahfiz dan sebagainya atas alasan golongan tersebut merupakan golongan asnaf yang layak menerima agihan zakat (Abdul Rahim, Ahmad Razimi, & Abdul Wahab, 2020). Kemungkinan keadaan ini disebabkan olehkekangan pemantauan yang dihadapi oleh LZNK dari segi bilangan staf untuk memantau setiap amil yang dilantik di seluruh negeri Kedah, yang mana bilangannya agak ramai.

Kekangan di dalam sistem pemantauan telah menyebabkan LZNK beralih ke arah sistem amil masjid bermula tahun 2018. Keadaan ini telah mengurangkan amil-amil bergerak di mana ia merupakan cabaran dalam mendapat maklumat awal sebelum kutipan hasil tuaian boleh dilakukan dengan mudah dan tepat. Malah, perkembangan pertanian padi sebelum dan selepas taksiran ke LZNK yang merupakan prosedur mengemaskini maklumat turut berhadapan dengan masalah ketepatan maklumat yang disalurkan. Selain dari kelewatan pihak amil menyerahkan hasil kutipan zakat kepada pihak pentadbiran, isu kehilangan resit kutipan juga merupakan cabaran utama di pihak LZNK. Keadaan ini menyukarkan pemantauan terhadap hasil kutipan yang betul tanpa bukti resit sebagai dokumen sokongan.

Kutipan tidak berkesan

Isu keberkesanan kutipan zakat padi di negeri Kedah merupakan sesuatu yang perlu ditangani, LZNK telah menghadapi beberapa kesukaran dan cabaran. Faktor utama kepada merosotnya kutipan zakat padi di negeri Kedah juga disumbangkan oleh perbuatan membayar zakat melalui saluran perseorangan dan tidak ke LZNK. Berdasarkan temu bual yang dijalankan dengan dengan pihak-pihak yang terlibat terutamanya golongan pesawah di negeri Kedah, mereka lebih cenderung untuk membuat pembayaran zakat padi secara terus kepada asnaf (fakir dan miskin) dan golongan tertentu berbanding pembayaran kepada LZNK. Jika perbuatan ini diteruskan, ia akan menimbulkan pelbagai masalah kepada pentadbiran zakat seperti kebocoran kutipan zakat dan pengagihan zakat yang tidak sekata antara asnaf seperti mana yang telah dibincangkan oleh Sanep, Hairunnizam dan Adnan (2006).

Selain itu, Abdul Rahim, Ahmad Razimi, dan Abdul Wahab (2020) menyatakan bahawa masalah kutipan zakat yang tidak berkesan turut berlaku akibat kurang kesedaran dalam kalangan petani-petani di negeri Kedah terhadap kewajipan membayar zakat atas hasil pertanian padi. Hal ini kerana pesawah tidak mempunyai pendedahan dan pengetahuan yang cukup terhadap zakat dan hanya mengambil mudah terhadap kewajipan pembayaran zakat. Ini termasuk pengetahuan berkaitan tempat pembayaran zakat padi di mana ada di antara pesawah membayar di negeri didiami dan bukan di negeri di mana hasil tuaian padi dikutip. Namun begitu, terdapat juga segelintir petani yang faham akan kewajipan berzakat, namun enggan untuk melaksanakan pembayaran zakat khususnya zakat padi kerana mereka hanya memahami zakat dalam konteks zakat fitrah sahaja. Faktor ini turut disahkan oleh staf LZNK semasa sesi temubual yang dijalankan bagi kajian ini.

Strategi meningkatkan kesedaran membayar zakat padi

Pihak pengurusan zakat di negeri Kedah perlu melihat semula faktor-faktor yang menyumbang kepada ketirisan kutipan hasil zakat yang agak ketara di kalangan pembayar zakat padi. Sejajar dengan faktor penyumbang tersebut, langkah-langkah yang lebih strategik perlu dipertimbangkan. Strategi meningkatkan kesedaran membayar zakat padi terus ke LZNK secara keseluruhannya boleh dicapai dengan lantikan amil di kalangan orang yang dipercayai atau amil professional; program kesedaran berkala kepada amil; dan pendekatan komunikasi yang lebih berkesan.

Lantikan amil di kalangan orang yang dipercayai atau amil professional

Pelbagai strategi boleh dilakukan untuk mencapai objektif bagi meningkatkan kesedaran membayar zakat padi terus ke LZNK. Antaranya ialah melalui pelantikan amil di kalangan broker yang dipercayai. Amil merupakan individu penting dalam proses pengutipan zakat. Oleh yang demikian, adalah penting untuk pihak LZNK melantik individu yang layak dan dipercayai untuk memegang jawatan sebagai amil zakat. Malah, sekiranya mempunyai strategi jangka panjang untuk pengurusan yang lebih sistematik, maka amil professional disarankan. Walau bagaimanapun, latar belakang amil atau broker hendaklah disiasat terlebih dahulu sebelum melantik mereka menjadi amil rasmi untuk kutipan zakat. Hal ini perlu dilakukan bagi memastikan bahawa kutipan zakat padi akan disampaikan ke saluran rasmi dan mengelakkan masalah-masalah lain seperti penyelewengan kutipan zakat serta agihan zakat kepada pihak yang tidak sepatutnya.

Pelantikan amil juga boleh dibuat dalam kalangan ketua unit Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) kerana kebanyakan petani di negeri Kedah lebih selesa membayar zakat padi kepada amil-amil zakat yang terdiri daripada golongan tersebut. Ketua unit yang dilantik di kalangan staf PPK tersebut boleh dikategorikan sebagai amil professional. PPK merupakan tempat pertemuan dan berkumpulnya para pesawah untuk berurus dengan aktiviti bersawah. Melalui amil PPK, proses kutipan zakat akan menjadi lebih mudah. Hal ini dapat membantu LZNK untuk meningkatkan kutipan zakat padi dengan wujudnya hubungan yang baik antara ketua-ketua unit PPK dan para pesawah.

Program kesedaran berkala kepada amil

Strategi untuk meningkatkan kesedaran adalah perlu bukan sahaja untuk membayar zakat padi menerusi LZNK di kalangan pembayar zakat, tetapi perlu bagi broker atau amil zakat juga

untuk tujuan merangsangkan kutipan zakat padi. Antara strategi yang dapat dilakukan ialah dengan menganjurkan program kesedaran secara berkala kepada amil zakat seperti mengadakan ceramah atau khutbah di masjid untuk menekankan tanggungjawab sebenar golongan amil terhadap agama dan masyarakat, serta kepentingan melaksanakan tugas mereka dengan baik. Pada masa yang sama, pelbagai jenis latihan yang secukupnya boleh juga diberikan kepada amil supaya para amil zakat menjadi lebih proaktif, agresif dan lebih peka terhadap tugas mereka. Ini turut dilihat sebagai satu program pemantauan yang secara tidak langsung menerap elemen membimbing, menghargai, memotivasi golongan amil atau broker agar lebih bertanggungjawab dalam menjalankan amanah yang telah diberikan.

Di samping pihak LZNK memberikan insentif seperti komisen, penghargaan dan sebagainya kepada para amil yang mempunyai prestasi yang baik terhadap tugas yang diberikan, program kesedaran berkala dilihat sebagai keperluan tambahan. Bagi golongan amil yang menunjukkan prestasi yang kurang memuaskan, program atau khidmat konsultansi boleh diatur untuk meningkatkan semula hasil tugas supaya objektif LZNK dapat dicapai. Contohnya, dengan memberikan maklum balas terhadap tugas setiap amil, mengenalpasti kelemahan dalam operasi yang dijalankan, serta memberikan nasihat dan panduan untuk memperbaiki prestasi para amil yang bermasalah atau mengalami kesukaran dalam menjalankan tugas.

Pendekatan komunikasi yang lebih berkesan

Komunikasi di antara LZNK dengan pembayar zakat adalah penting bagi memastikan segala aduan atau maklumat penting dapat disalurkan dengan segera dan tepat. Kaedah komunikasi secara konvensional mungkin tidak lagi sesuai di zaman ledakan teknologi ini (walaupun masih diperlukan). Kaedah komunikasi perlu dipertingkatkan seiring dengan pembangunan teknologi. Medium sosial yang ada, seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan lain-lain perlu dimanfaatkan sepenuhnya. LZNK juga harus membangunkan *blog* dan laman sesawang yang lebih berinteraktif. Melalui penggunaan media-media ini sebarang aduan atau berita penting dapat disebarluaskan dengan segera. Bagi pembayar cukai yang tidak mempunyai akses kepada internet, sistem pesanan ringkas perlu diteruskan. Komunikasi berbentuk konvensional, walau bagaimanapun masih perlu dikekalkan kerana masih terdapat di kalangan pembayar zakat yang masih ketinggalan dengan perkembangan teknologi semasa.

Memandangkan penggunaan medium sosial adalah terhad, maka sistem pesanan ringkas amat membantu. Medium komunikasi ini juga agak efektif dalam menyalurkan maklumat yang terkini dan juga berbentuk berulangan sebagai peringatan. Sistem seumpama yang digunakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) semasa pandemik Covid-19 dengan pesanan ringkas mungkin boleh membantu golongan pesawah juga. Pesawah dapat menerima maklumat berkaitan zakat padi serta peringatan tentang kepentingan membayar ke LZNK dari masa ke semasa. Peringatan yang kerap disalurkan pasti meninggalkan kesan kepada pesawah secara tidak langsung. Mekanismi ini boleh digunakan dengan kesediaan data pesawah yang lengkap beserta nombor yang boleh dihubungi bagi memudahkan komunikasi disampaikan dengan lebih jelas, kerap dan boleh dipercayai. Malah platform tersebut lebih mudah dicapai walaupun tanpa telefon pintar setiap masa dan di mana sahaja.

KESIMPULAN

Zakat merupakan tuntutan Rukun Islam yang keempat bagi setiap Muslim. Zakat pertanian iaitu ke atas pertanian padi merupakan salah satu kategori zakat harta yang dituntut ke atas setiap pemilik Islam, pemilikan sempurna, merdeka, cukup nisab atau kadar yang ditentukan. Objektif pensyariatan zakat bukan sekadar sebagai amalan ritual bagi penyucian dan perkembangan harta yang dimiliki, namun ia juga membantu dari segi ekonomi dan kewangan di mana asnaf terbela secara tidak langsung. Ia dapat dilihat sebagai suatu mekanisma yang efektif bagi pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf kehidupan Muslim secara keseluruhan dengan agihan kekayaan dari yang kaya kepada yang memerlukan.

Malaysia secara khusus berteraskan Mazhab Syafi'e berpegang kepada tuntutan ke atas zakat pertanian adalah merujuk kepada pertanian padi di mana ia merupakan makanan asasi (*qut*) yang dapat disimpan lama dan boleh dikeringkan. Setiap hasil tuaian yang cukup nisabnya adalah dituntut ke atasnya zakat padi dan ia bergantung kepada ketetapan negeri kerana setiap negeri mempunyai ketetapan yang berbeza dari segi tafsiran serta nisab. Walau bagaimanapun, tuntutan ke atas kewajipan mengeluarkan zakat padi adalah sama iaitu wajib dan digalakkan agar pembayaran dapat dilakukan ke saluran rasmi. Kaedah pembayaran ini adalah selaras dengan hasrat LZNK agar dapat memperkasakan agihan zakat yang lebih adil dan saksama bagi lapan golongan asnaf iaitu *fakir, miskin, amil, muallaf, riqab, gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil*. Sejajar dengan hasrat tersebut, pengurusan zakat padi perlu diperkemaskan bagi memastikan tuntutan zakat padi, kaedah kutipan zakat padi serta agihan zakat padi akan lebih efektif and efisien. Malah dengan pengurusan yang lebih berstrategi mengambilkira cabaran serta memantapkan pengurusan sedia ada, maka peningkatan kutipan zakat padi dapat dicapai secara keseluruhan.

PENGHARGAAN

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada penyemak yang telah memberikan nasihat dan komen yang sangat mendalam. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih di atas sokongan Institut Penyelidikan dan Inovasi Zakat (IPIZ) dan Pusat Penyelidikan, Pengurusan Inovasi (RIMC) Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dan pemberian Skim Geran Perundingan (Kod S/O: 14538).

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Abdullah, L., & Ali, N. A. (2015). The Comparative Assessment of Agricultural Zakah in Selected States in Malaysia. *Jurnal Syariah*, 23(1), 1-24.
- Abdul Rahim, A. K., Ahmad Razimi, M. S., & Abdul Wahad, M. A. (2020). Kutipan Zakat Pertanian (Padi) Di Negeri kedah Darul Aman: Satu Analisi. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*. 2 (2) 205 - 218 http://journal.zakatkedah.com.my/wp-content/uploads/2020/11/Vol2_2_23.pdf
- Alias, A., & Mohammad Azam, H. (2016). Pendekatan taqlid dalam pengiraan zakat padi: tinjauan di Daerah Pendang, Kedah. *Journal of Human Development and Communication*. 5(2016), 113-130.

- Alias, A. & Mohammad Azam, H. (2017). Pengurusan Zakat Pertanian Padi. Universiti Utara Malaysia. Sintok. UUM Press.
- Imad, A.A. and Abdul Wahab, K.A. (1995). Chemical composition of date varieties as influenced by the stage of ripening. *Journal of Food Chemistry* 54(3): 305-309.
- Isamail, M. Z., Ariffin, M. F. M., Abdullah, L. H., & Rosele, M. I. (2013). Zakat Pertanian Di Malaysia: Satu Kajian Pemeriksaan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society (LJMS)*, 33-47.
- Sadeq, A. H. M. (1995). Ethico-eco-Institution of Zakah: An Instrument of Self-Reliance and Sustainable Grass-Root Development (Mimeograph).
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 13(2), 175-196.